



“**USUL AKHIR INI MEMANG SUSAH, NAMUN SAYA DAN ANI PERCAYA SIKAP TOLAK ANSUR, SELAIN MEMBERIKAN FOKUS SEPENUHNYA SERTA CEPAT Mencari MAKLUMAT UNTUK MEMATAHKAN HUKAJAH LAWAN, SEBAGAI ANTARA RESIPI KEJAYAAN KAMI**”

**Muhammad Asyraf Ibrahim,**  
Pendebat



“**ALHAMDULILLAH, BERKAT PERBINCANGAN SECARA BAIK SEJAK AWAL PERTANDINGAN, KAMI CUKUP SERASI, LEBIH MEMAHAMI DAN BERUSAHA TIDAK TERSASAR TOPIK**”

**Ani Najihah Md Shah,**  
Pendebat

Oleh **Faizatul Farhana Farush Khan**  
ffarhana@bh.com.my

► **Serdang**

**K**elancaran berkomunikasi, pengisian bernas dan kemampuan mematahkan hujah lawan, membawa tuah kepada dua pasukan daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang menjuarai Pertandingan Debat Perdana Gender 2014 di Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini.

Pasukan berkenaan terdiri daripada Ahmad Hazim Nurahmadi, 21, dan Shahrulbanun Mohd Ariff Sabri, 20, untuk kategori bahasa Inggeris serta Ani Najihah Md Shah, 21, dan Muhammad Asyraf Ibrahim, 21, bagi kategori bahasa Melayu.

Kemenangan itu melayakkan setiap pasukan yang kesemua mereka ialah penuntut jurusan undang-undang menerima wang tunai RM3,500, piala pusingan dan trofi iringan.

Lebih manis, dua daripada pendebat UIAM, Ahmad Hazim dan Ani Najihah dipilih sebagai pendebat terbaik keseluruhan untuk kategori masing-masing, sekaligus memperlihatkan universiti berkenaan mengungguli setiap hadiah utama.

Mengetengahkan topik usul Dewan Ini Akan Menjadikan Aspek Gender sebagai Teras dalam Semua Penggubalan Dasar, kategori bahasa Melayu pertandingan itu menyaksikan Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebagai naib juara, diikuti sebuah lagi pasukan UIAM di tempat ketiga dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai pemenang keempat.

Bagi kategori bahasa Inggeris yang mengutarakan usul topik ‘THBT Only Female Judges Should Preside Over Proceedings Involving Crimes Where the Victims are Predominantly Female’, dua pasukan daripada UiTM masing-masing diumumkan sebagai naib juara dan pemenang tempat ketiga, manakala Universiti Malaya (UM) di tempat keempat.

Naib juara setiap kategori, membawa pulang hadiah wang tunai RM2,500, tempat ketiga (RM2,000) dan tempat keempat (RM1,500), selain trofi iringan, manakala pendebat terbaik keseluruhan menerima wang tunai tambahan RM600 seorang.

**Pengalaman berharga**

Sementara itu, Ani Najihah berkata, pertandingan itu bukan sahaja memberi peluang kepada peserta untuk mengemukakan pandangan dan



Rohani (barisan belakang, enam dari kanan) bersama Mohammad Shatar (barisan belakang, sembilan dari kiri) bergambar bersama dengan pemenang **Pertandingan Debat Perdana Gender 2014** di UPM, Serdang.

[FOTO MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN / BH]

# Pasukan UIAM mengungguli **Debat Perdana Gender 2014**

mengukur pengetahuan beliau dalam isu gender, tetapi membantu meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat berhubung isu yang sama.

“Saya akui adakala sukar menemui kesepakatan idea bersama-sama kerana mungkin atas dasar berbeza gender, tetapi alhamdulillah, berkat perbincangan secara baik sejak awal pertandingan, kami cukup serasi, lebih memahami dan berusaha tidak tersasar topik,” katanya ketika ditemui pada pertandingan itu.

Bagi Muhammad Asyraf yang sering menyertai pertandingan debat sejak zaman persekolahan, beliau menganggap pengalaman diperoleh selepas hanya berjaya ke peringkat suku akhir pertandingan sama pada tahun lalu, sebagai pembakar semangat dan

penebus kesilapan.

“Usul akhir ini memang susah, namun saya dan Ani percaya sikap tolak ansur, selain memberikan fokus sepenuhnya serta cepat mencari maklumat untuk mematahkan hujah lawan, sebagai antara resipi kejayaan kami,” katanya.

Diminta berkongsi kesan pertandingan itu, Ahmad Hazim berkata, ia memiliki keistimewaan tersendiri kerana mampu memberi penjelasan terbaik terhadap isu gender, memupuk rutin rajin membaca dalam diri peserta dan sentiasa berusaha menambah ilmu pengetahuan.

“Pertandingan ini juga mengajar erti kepercayaan, saling membantu dan bertolak ansur antara ahli pasukan, biarpun adakala wujud percanggahan pandangan atau pengetahuan

seperti saya dan Shahrulbanun pada peringkat awal pusingan,” katanya yang pernah menjuarai beberapa pertandingan debat peringkat tempatan dan antarabangsa.

**Mencabar minda**

Bagi Shahrulbanun, pertandingan itu cukup mencabar minda kerana pasukannya perlu bertindak sebagai pembangkang untuk meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai isu gender yang kurang difahami mereka.

“Saya bersyukur mendapat sokongan daripada rakan sepasukan, Ahmad Hazim untuk mengatasi perasaan gemuruh pertama kali memasuki pertandingan akhir ini, terutama apabila kami hanya diberi 15 minit untuk membuat persediaan topik sebelum penghujahan ber-

mula,” katanya.

Majlis penutupan rasmi pertandingan akhir dan penyampaian hadiah itu disempurnakan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Seri Rohani Abdul Karim.

Yang turut hadir ialah Timbalan Ketua Setiausaha KPWKM, Datuk Norsham Rahin, Pengarah Institut Pengupayaan Wanita bagi Anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NIEW), Normalia Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran.

Pertandingan itu dianjurkan oleh NIEW secara tahunan sejak tahun 2011 dengan kerjasama Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM). Sebanyak 102 pasukan daripada 36 institusi pengajian tinggi bertanding berbanding 76 pasukan pada tahun lalu, manakala 60 pada tahun 2012 dan 50 (2011).

Sebanyak 43 pasukan untuk kategori bahasa Inggeris dan 59 kategori bahasa Melayu berentap pada pusingan awal, sebelum 32 pasukan terbaik disenarai pendek ke suku akhir, 16 ke separuh akhir dan empat pasukan ke peringkat akhir.

Pertandingan itu bertujuan meningkatkan kesedaran, medan bertukar idea serta memperkasakan topik berhubung isu gender dalam kalangan masyarakat, terutama belia.

Dengan menggunakan format debat Parlimen British buat pertama kali pada tahun ini, pertandingan itu juga sebagai melahirkan generasi berciri pemimpin, selain sebagai platform berterusan kementerian untuk memperkasakan wanita dalam pembangunan melalui pengupayaan pelapis sedia ada.



Orang ramai yang hadir menyaksikan pertandingan **debat bahasa Melayu**.